

KENYATAAN MEDIA
LAPORAN PENCAPAIAN 2019 DAN HALATUJU STRATEGIK UTAMA 2020
09 Januari 2020

1. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1976 dan disusun semula pada 1984 adalah sebuah institusi yang membiayai kewangannya sendiri (*self-sustained*) melalui pelaksanaan aktiviti Teras **Sosial Bisnes, Bisnes dan Pembangunan Sosioekonomi dan Amal Jariah**.
2. Pada tahun 2019, YaPEIM telah melaksanakan beberapa pembaharuan iaitu Perlantikan Lembaga Pemegang Amanah YaPEIM (LPA) yang baharu berkuatkuasa pada 1 November 2018, Penyelarasan Semula Jawatankuasa Khusus di bawah LPA, Pelaksanaan Audit Khas oleh Juruaudit Bertauliah yang dilantik dan Penstrukturan Semula Struktur Korporat YaPEIM serta Penjajaran Aktiviti di bawah YaPEIM Holdings Sdn Bhd. Langkah-langkah yang diambil ini adalah sebagai penambahbaikan menyeluruh terhadap **TADBIR URUS DAN AMALAN TERBAIK** dalam semua aspek pentadbiran dan pengoperasian.
3. Prestasi kewangan YaPEIM pada tahun 2019 (Belum Beraudit) menunjukkan Jumlah Aset keseluruhan meningkat daripada RM1.20 billion pada tahun 2018 kepada RM1.24 billion, manakala jumlah Nilai Aset Bersih menjadi RM291.98 juta berbanding RM243.16 juta tahun 2018.

Pelaksanaan Program Pembangunan Sosioekonomi dan Amal Jariah YaPEIM menyantuni 627,259 orang penerima manfaat dan 722 institusi

4. **Di bawah teras Pembangunan Sosioekonomi dan Amal Jariah** dengan sokongan dana melalui Tabung Amanah YaPEIM daripada sumbangan masyarakat (individu dan syarikat-syarikat korporat) berjumlah RM44.65 juta pada tahun 2019 telah menyantuni seramai 627,259 orang penerima manfaat dan 722 institusi secara keseluruhan. **Program-program baharu yang diperkenalkan pada tahun 2019 seperti Program Foodbank YaPEIM 1.0 yang memberi manfaat kepada 164,600 orang, Program Bimbingan Pensijilan Halal kepada 1,000 orang usahawan dan Program Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku).**
5. Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku) telah dilancarkan pada 06 November 2019 yang telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri mensasarkan kutipan dana sejumlah RM40 Juta yang akan memberi manfaat kepada pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dari kalangan keluarga B40 dengan Bantuan Awal Persekolahan berjumlah sehingga RM500 dan sehingga RM1,000 untuk kemasukan IPT.
6. Manakala program-program lain adalah Program Inspirasi Ramadhan (19,200 orang), Program Inspirasi Pendidikan YaPEIM (92,906 orang), Program Sinar Kasih (295 orang), Program Perkasa Komuniti (2,445 orang) dan program-program kebajikan lain (346,510 orang).
7. Melalui *tagline* #IngatKebajikanIngatYaPEIM, YaPEIM telah menyediakan pelbagai saluran sumbangan termasuk saluran baharu yang diperkenalkan iaitu laman sesawang sumbangan Dana Inspirasi Malaysia <http://inspirasiku.yapeim.my> dan aplikasi SnapNPay (BIMB) & QRPay (Maybank) disamping saluran semasa iaitu melalui laman sesawang YaPEIM, sumbangan melalui institusi kewangan, tabung kutipan di cawangan Ar Rahnua YaPEIM seluruh Negara dan Potongan Gaji Bulanan melalui Skim Potongan Gaji YaPEIM (SPG).

Ar Rahnū YaPEIM peneraju program mikro Kredit berasaskan gadaian patuh Syariah

8. YaPEIM sebagai peneraju dalam perkhidmatan mikro Kredit Ar Rahnū semenjak tahun 1993 terus komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik melalui produk-produk yang inovatif dan memberi manfaat kepada masyarakat berdasarkan keperluan. Sehingga kini produk yang ditawarkan adalah Ar Rahnū Prestij (umum), Ar Rahnū Bisnes (modal perniagaan), Ar Rahnū Emas (pemilik emas YaPEIM Gold) dan Ar Rahnū Didik (pendidikan) di **203 cawangan statik** dan **9 kaunter bergerak** di seluruh negara.
9. Semenjak diperkenalkan sehingga 31 Disember 2019, program ini secara terkumpul telah memberi manfaat kepada 723,475 orang penggadaai dengan jumlah pinjaman sebanyak RM9.8 billion. Pada tahun 2019, jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah sebanyak RM1.4 billion dengan RM110.48 juta disumbangkan oleh produk baharu iaitu Ar Rahnū Bisnes, Ar Rahnū Emas dan Ar Rahnū Didik yang mula diperkenalkan pada Jun 2019.
10. Ar Rahnū YaPEIM juga dikukuhkan dengan kerjasama Rakan Strategik melalui penawaran produk takaful (Etiqa Takaful), Ejen Bank Berdaftar (Bank Islam Malaysia Berhad) dan Ejen Kutipan Zakat (Lembaga Zakat Negeri Kedah) di cawangan.
11. Pada tahun 2019, YaPEIM telah mengambil inisiatif ke hadapan dengan membuat penambahbaikan kepada konsep pelaksanaan semasa iaitu pinjaman berasaskan penggabungan kontrak qard (pinjaman), rahn (cagaran), wadi'ah yad dhamanah (simpanan) kepada pembiayaan di bawah **KONSEP At-TAWARRUQ** bagi mematuhi pelaksanaan piawaian Syariah yang digariskan selaras dengan Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM), 2018-2019, dalam Polisi Dokumen (PD) *Rahn*. Pengaplikasian konsep baharu berdasarkan Pematuhan Syariah dalam perkhidmatan ini dijangka bermula pada bulan Februari 2020.

YaPEIM perkenal Chatbot dan Platform Digital

12. Ketelusan pelaksanaan agihan sumbangan bagi mengukuhkan kepercayaan masyarakat ke atas usaha-usaha YaPEIM dalam menyantuni masyarakat yang memerlukan, maka YaPEIM sebagai langkah permulaan dan selaras dengan perkembangan teknologi masa kini, YaPEIM telah memperkenalkan personaliti Digital YaPEIM (Cik YAYA) yang boleh berkomunikasi terus dengan pelanggan dan penyumbang YaPEIM untuk mendapatkan maklumat sumbangan dan agihan melalui program-program Amal Jariah YaPEIM. Inisiatif ini adalah selaras dengan gerak kerja YaPEIM dalam membangun Platform Digital YaPEIM yang lebih meluas dengan Visi sebagai *Premier Contributor* kepada ISLAMIC DIGITAL SOCIOECONOMIC (IDS) bagi melengkapkan satu ekosistem yang akan memberi kelebihan dalam pelbagai aspek termasuk kepada Stakeholder (Pemegang Taruh).

Halatuju Strategik Utama 2020

13. Pada tahun 2020, YaPEIM mengekalkan tiga teras utama iaitu **SOSIAL BISNES, BISNES dan PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DAN AMAL JARIAH**. Program-program yang dilaksanakan di bawah tiga teras utama pada tahun 2019 akan diteruskan seperti Program Mikrokredit Ar Rahnul YaPEIM, Program Pemborongan dan Pembekalan, Program Ibadah Qurban YaPEIM, Program Pembangunan Usahawan, Program Kebajikan dan Sosioekonomi iaitu Program Inspirasi Ramadhan, Program Inspirasi Pendidikan YaPEIM, Program Foodbank YaPEIM dan Program Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku).
14. Bagi Program Mikrokredit Ar Rahnul YaPEIM disamping produk sedia ada terus diperkukuhkan dalam semua aspek penawaran termasuk **pendigitalan perkhidmatan** dan pengaplikasian konsep baharu iaitu **Konsep At-Tawarruq**, manakala produk baharu yang akan diperkenalkan pada tahun ini adalah **Ar Rahnul CARE** yang membantu golongan ditimpa musibah dan memerlukan tunai segera dengan kadar istimewa.

15. Mulai tahun 2020, YaPEIM juga akan menyediakan **Skim Qardhul Hasan di bawah Program Pembangunan Usahawan YaPEIM** bagi membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan dalam pelbagai bidang yang dikenalpasti.

16. **Pembangunan Platfom Digital YaPEIM akan terus diberi perhatian yang utama dalam tahun 2020** ini selaras dengan langkah yang telah diambil pada tahun 2019 iaitu menjadi *Premier Contributor* kepada ISLAMIC DIGITAL SOCIOECONOMIC (IDS) bagi melengkapkan satu ekosistem yang akan memberi kelebihan dalam pelbagai aspek termasuk kepada Stakeholder (Pemegang Taruh).

Sekian, terima kasih

DATUK DR. MOHD. DAUD BAKAR

PENGERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

09 Januari 2020